

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98

September 1997

SKW 103 - Pengantar Sains Politik

Masa: [3 Jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana TIGA (3) soalan.

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang jelas, termasuk model sistem politik, tunjukkan bahawa anda faham apa yang dimaksudkan dengan konsep "proses politik". Buktikan pemahaman anda itu dengan mengakhiri jawapan anda dengan menunjukkan dengan jelas perbezaan diantara "proses politik" dengan "sains politik".
(100 markah)
2. Ideologi memainkan peranan penting dalam menggerak dan mengarah sesuatu sistem politik, termasuk proses pengagihan nilai dalam sistem politik itu. Huraikan peranan ideologi ini seiring dengan peranan-peranan lain yang dimainkan oleh ideologi. Berikan tumpuan kepada soal bagaimana ideologi mempengaruhi suasana sekeliling dalam mana proses politik bergerak.
(100 markah)
3. Soal demokrasi telah menjadi tajuk perbincangan hangat terutamanya selepas hancurnya Kesatuan Soviet. Antara isu yang menarik ialah perbezaan pendapat diantara satu pihak yang menekankan aturan demokratik sebagai syarat semulajadi untuk bernegara dan untuk perhubungan antara negara dan satu pihak lagi yang berhujah bahawa negara-negara yang sedang membangun dengan sejarah, budaya dan masalah-masalahnya yang tersendiri buat masa ini memerlukan pengorbanan keatas idealisme demokrasi untuk memastikan kestabilan dan pembangunan ekonomi. Bincangkan persoalan ini dengan tumpuan khas kepada penelitian beberapa penganalisis yang telah menunjukkan bahawa (a) negara autokratik yang mengorbankan demokrasi atas nama pembangunan telah gagal untuk membawa pembangunan, (a) rejim-rejim autokratik yang telah berjaya membawa pembangunan ekonomi sedang menghadapi dilema kerana hujah yang menghalalkan pemerintahan autokratik tidak lagi boleh digunakan setelah negara mencapai kejayaan pembangunan ekonomi.
(100 markah)

4. "Pembangunan negara" dan "pembangunan bangsa" adalah dua konsep yang berkait tetapi berbeza. Dengan menggunakan contoh sebuah negara tertentu, melainkan Malaysia, cuba tunjukkan perkaitan dan perbezaan ini.
(100 markah)

5. Anda telah dilantik sebagai pakar rujuk kepada sebuah negara yang mahu merombak sistem pemerintahannya dari pemerintahan raja mutlak yang sedia ada kepada satu sistem yang lebih demokratik. Anda diminta menulis laporan khusus tentang struktur dan institusi utama yang perlu diwujudkan sebagai asas aturan institusional sistem demokratik baru itu. Sediakan laporan itu. Anda boleh membuat andaian-andaian sendiri tentang sistem raja mutlak yang sedia ada itu.
(100 markah)

6. Antara aturan institutional yang utama dalam kaedah pemerintahan demokratik ialah institusi-institusi yang berperanan sebagai saluran untuk penyertaan rakyat dalam proses politik. Antara saluran-saluran ini pula ialah kumpulan-kumpulan pendesak dan berkepentingan. Huraikan peranan kumpulan-kumpulan ini dalam proses politik demokratik, termasuk peranannya mengawal penggunaan kuasa.
(100 markah)

- oo o0o oo -